

## Silat ke Olimpik 2024?

► ISMAIL ALI  
ismail@sph.com.sg

PERSEKUTUAN Silat Antarabangsa (Persilat) menetapkan matlamat menyertakan silat sebagai salah satu acara pertandingan dalam Sukan Olimpik 2024.

Langkah tersebut diambil selepas sukan seni pertahanan diri popular di rantau Asia Tenggara itu mendapat sokongan persekutuan dan persatuan dari rantau Asia dan kini hampir 90 peratus pasti disertakan dalam Sukan Asia 2018 di Jakarta.

Usaha melobi silat disertakan dalam Sukan Olimpik 2024 itu didedahkan Pengarah Besar (Persilat), Sheik Alau'ddin Yaacob Marican, kepada *Berita Minggu* dalam majlis memasukkan nama dan gambar juara dunia muda Sheik Farhan Sheik Alau'ddin dalam Dewan Kemasyarakaran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Khamis lalu.

"Kini terdapat 28 negara dari seluruh Asia yang mempunyai persatuan atau persekutuan silat di negara masing-masing.

"Antara syarat penyertaan sesuatu acara dalam Sukan Asia adalah ia perlu disertai 15 negara dan bagi Sukan Olimpik pula, syaratnya adalah penyertaan 40 negara dan daripada sekurang-kurangnya tiga benua.

"Selain 28 daripada 45 negara dalam Asia yang sudah pun mempunyai persatuan atau persekutuan silat mereka sendiri, sebanyak 11 negara Eropah juga mempunyai persatuan masing-masing. Ini termasuk Belgium, Slovakia, Ukraine, Russia, Jerman, Belanda, Austria, Sepanyol, United Kingdom, Switzerland dan Italy.

"Di benua Afrika, silat sudah dikembangkan di Tunisia dan Afrika Selatan. Kami kini berusaha mendekati Nigeria, Zimbabwe dan negara-negara Afrika lain," kata Sheik Alau'ddin, yang mengambil alih jawatan Presiden Persekutuan Pencak Silat Asian (Apsif) tahun lalu.

Menurut beliau, Persilat juga sedang berusaha menjalin hubungan dan memperkenalkan silat di Amerika Syarikat, Canada dan negara-negara Amerika Tengah dan Selatan.

"Kami sudah pun mempunyai hubungan erat dengan Guatemala dan Surinam di Amerika Tengah dan menerusi mereka, kami merancang mempromosikan silat di 13 negara Amerika Tengah dan Selatan lain seperti Argentina dan Brazil.

"Sejurus kami mendapat peruntukan daripada Presiden Persilat Prabowo Subianto, yang mengikrarkan sokongannya, insya-Allah kami akan mempergiat usaha ini sebagai satu inisiatif memartabatkan silat di persada dunia," tambah Sheik Alau'ddin, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Dengan peruntukan tersebut, beliau berkata Persilat, dengan kerjasama Apsif, akan membantu negara-negara anggota dan yang belum mempunyai persatuan silat menubuhkan majlis Olimpik dan dengan bantuan pemerintah masing-masing mendaftarkannya di bawah naungan Majlis Olimpik Asia (OCA) dan majlis Olimpik serantau.

Mengenai silat dalam Sukan Asia 2018, Sheik Alau'ddin menjelaskan bahawa beliau diberitahu oleh Setiausaha Agung Persilat Teddy Suratmadji bahawa penyertaan acara itu hanya menantikan kelulusan dari Presiden Joko Widodo sebagai penghormatan kepada Indonesia selaku tuan rumah temasya.

Menurut Sheik Alau'ddin, Apsif juga sedang bekerjasama dengan Malaysia, yang mempunyai suara dalam negara-negara Komanwel, untuk turut menyertakan silat dalam Sukan Komanwel pada masa depan.